Program pengawasan kualiti air sungai ini melibatkan di dua (2) daerah di dalam Negeri Pahang iaitu di kawasan Daerah Rompin dan Daerah Kuala Lipis.

Program pengawasan kualiti Sungai Rompin di dalam daerah Rompin melibatkan tiga (3) stesen di dua (2) sungai iaitu Sungai Rompin dan Sungai Terpesok (anak sungai).

Manakala Program Kualiti Sungai Temau di dalam Daerah Kuala Lipis melibatkan tiga (3) stesen di dua (2) sungai iaitu Sungai Temau dan Sungai Mensah (anak sungai). Data purata bagi kualiti air sungai yang telah dijalankan sepanjang tahun 2022 adalah seperti **Jadual 19** dan **Jadual 20** berikut :

Jadual 19: Data Purata Bagi Kualiti Sungai Rompin

NAMA STESEN	DO	DO	BOD	COD	NH <sub>3</sub> -N	pH	SS	FERUM (Fe)	Mangan (Mn)	WQI	KELAS
	mg/l	%	mg/l	mg/l	mg/l		mg/l	mg/l	mg/l	%	
Sg. Terpesok (STP 1)	7.12	89.79	1.99	5.50	0.09	5.68	5.33	0.33	0.93	92.48	2
Sg. Terpesok (STP 2)	7.88	100.55	1.99	5.40	0.02	3.99	41.33	5.43	0.85	84.45	2
Sg Rompin (SR1)	7.04	89.57	1.99	13.43	0.18	6.16	61.33	4.50	0.13	85.99	2

**DATA PURATA BAGI KUALITI SUNGAI ROMPIN**

Jadual 20 : Data Purata Bagi Kualiti Sungai Temau

NAMA STESEN	DO	DO	BOD	COD	NH <sub>3</sub> -N	pH	SS	FE	MN	WQI	KELAS
	mg/l	%	mg/l	mg/l	mg/l		mg/l	mg/l	mg/l	%	
Sg. Temau (SGT1)	8.27	106.51	1.99	1.60	0.13	7.42	176.66	13.30	0.91	87.89	2
Sg. Temau (SGT2)	8.29	105.8	1.99	2.13	0.11	7.44	95.33	7.83	0.49	88.78	2
Sg. Mensah (SGM1)	8.28	104.8	1.99	6.33	0.3	7.51	24.50	1.97	0.06	90	2

**DATA PURATA BAGI KUALITI SUNGAI TEMAU**

## Pengawasan Kualiti Air Tasik Chini



Tasik Chini ini adalah merupakan tasik air tawar semula jadi kedua terbesar di Malaysia dengan mempunyai keluasan sebanyak 12.565 ekar



Berfungsi sebagai pencegah banjir selain menempatkan habitat untuk kira-kira 138 spesies flora tempatan, 300 spesies vertebrata bukan akuatik dan 144 spesies ikan air tawar



Salah satu sumber ekonomi negara dengan mempromosikan sektor pelancongan negara yang menarik perhatian pelbagai pelancong dari serata dunia



Pengawasan kualiti air Tasik Chini di jalankan pada 15 stesen dengan kekerapan 1 kali setiap bulan sebanyak 90 persampelan

## Data Purata Bagi Kualiti Tasik Chini Tahun 2022

Jadual 21 : Data Purata Kualiti Tasik Chini

NAMA STESEN	DO	DO	BOD	COD	NH <sub>3</sub> -N	pH	SS	FE	MN	WQI	KELAS
	mg/l	%	mg/l	mg/l	mg/l		mg/l	mg/l	mg/l	%	
Laut 1A	5.30	68.6	1.99	15.34	0.073	6.12	6.41	1.90	0.12	85.0	2
Laut 1B	4.79	55.5	1.99	14.83	0.088	6.19	6.41	2.05	0.13	82.8	2
Laut 2	5.12	67.28	2.02	15.24	0.075	6.20	6.25	2.26	0.16	86.6	2
Laut 3	5.05	66.38	1.99	14.99	0.054	6.22	6.58	2.28	0.12	86.7	2
Laut 4A	3.32	43.31	1.99	13.78	0.019	6.00	6.41	2.34	0.12	79.8	2
Laut 4B	3.27	42.63	1.99	12.86	0.036	5.98	7.00	2.41	0.13	79.4	2
Laut 5	4.33	56.43	1.99	14.63	0.060	6.19	6.50	2.28	0.13	83.6	2
Laut 6	5.32	69.88	1.99	15.79	0.032	6.29	7.16	2.04	0.11	88.0	2
Laut 7	3.86	50.48	1.98	14.80	0.047	5.97	5.91	1.75	0.08	81.5	2
Laut 8	4.52	59.08	1.99	15.58	0.041	6.20	5.41	1.82	0.09	84.6	2
Laut 9A	4.84	63.04	1.99	17.58	0.055	6.14	5.41	1.66	0.10	85.1	2
Laut 9B	4.91	64.30	1.99	16.92	0.062	6.16	5.50	1.60	0.10	85.6	2
Laut 10	5.32	70.32	1.99	16.46	0.083	6.17	6.00	1.69	0.21	87.1	2
Laut 11	4.72	61.98	1.99	17.10	0.051	6.07	5.74	1.92	0.24	84.8	2
Laut 12	5.39	59.47	1.99	17.77	0.102	5.93	5.58	2.21	0.25	82.9	2

## Pengawasan Kualiti Air Sungai Balok

Pengawasan kualiti air sungai ini dijalankan bagi memantau kualiti air sungai dan mengesan perubahan kualiti air sungai bagi memantau pelepasan air terawat dari aktiviti premis di Kawasan Perindustrian Gebeng.



Persampelan yang dilakukan secara *in-situ* dan juga persampelan dihantar ke makmal untuk dianalisis bertujuan untuk menentukan Indeks Kualiti Air tersebut.

Stesen pengawasan kualiti air sungai telah dijalankan melibatkan lima (5) stesen di dua (2) sungai iaitu Sungai Balok dan Sungai Tunggak. Data purata bagi kualiti air sungai yang telah dijalankan sepanjang tahun 2022 adalah seperti berikut :

Jadual 22: Data Kualiti Sungai Balok

NAMA STESEN	DO	DO	BOD	COD	NH <sub>3</sub> -N	pH	SS	FE	AL	WQI	KELAS
	mg/l	%	mg/l	mg/l	mg/l		mg/l	mg/l	mg/l	%	
Sg. Tunggak	4.02	50.97	3.02	26.87	5.86	7.37	28.03	3.45	0.72	75.42	3
Sg. Balok (lynas)	3.13	43.93	6.88	63.68	0.05	7.22	49.00	0.15	0.14	68.44	3.00
Sg Balok	2.83	36.36	1.94	36.18	1.25	7.01	26.33	2.96	1.27	54.96	3.00
Sg. Balok (Air Surut)	2.89	37.90	1.82	37.08	1.94	7.07	29.00	2.39	0.88	62.83	3.00
Sg. Balok (Air Pasang)	5.27	77.75	1.99	50.17	1.09	7.75	25.46	1.31	0.60	74.45	3.00

## Pengawasan Kualiti Air Marin

- ✓ Ekosistem air masin yang merupakan ekosistem akuatik terbesar di permukaan bumi yang meliputi 70 % keseluruhan bumi.
- ✓ Merangkumi kawasan pinggir pantai, kuala dan kawasan pulau. Hidupan air marin terdiri daripada spesies plankton hinggalah organisma yang bersaiz besar.
- ✓ Pemantauan yang dijalankan bagi memantau beberapa aktiviti seperti rekreasi, kawasan lindungan dan taman laut, pelabuhan dan sebagainya.
- ✓ Pada tahun 2022 sebanyak 22 stesen pantai, lima (5) stesen kuala dan sembilan (9) stesen pulau telah dipantau di Negeri Pahang.
- ✓ Sebanyak 360 sampel percontohan telah diambil untuk dianalisis dan hasilnya dilaporkan berdasarkan Indeks Kualiti Air Marin (IKAM).



Jadual 23 : Standard dan Kriteria Kualiti Air Marin Malaysia

KATEGORI	NILAI INDEKS
Terbaik	90 -100
Baik	80 - < 90
Sederhana	50 - < 80
Tercemar	0 - < 50

Jadual 24 : Standard dan Kriteria Kualiti Air Marin Malaysia

PARAMETER	KELAS 1	KELAS 2	KELAS 3	KELAS E
Kegunaan	Pemeliharaan kawasan dilindungi, Taman Laut	Kehidupan Laut, Perikanan, Terumbu Karang, Rekreasi dan Mariculture	Pelabuhan, Lapangan Minyak dan Gas	Paya Bakau & Muara Sungai
Suhu(°C)	≤ 2°C peningkatan terhadap ambien maksimum	≤ 2°C peningkatan terhadap ambien maksimum	≤ 2°C peningkatan terhadap ambien maksimum	≤ 2°C peningkatan terhadap ambien maksimum
Oksigen Terlarut (mg/L)	>80% tepu	5	3	4
Jumlah Pepejal terampai* (mg/L)	25 mg/L atau ≤ 10% peningkatan dalam purata bermusim, yang mana lebih rendah	50 mg/L (25 mg/L) atau ≤ 10% peningkatan dalam purata bermusim, yang mana lebih rendah	100 mg/L atau ≤ 10% peningkatan dalam purata bermusim, yang mana lebih rendah	100 mg/L atau ≤ 30% peningkatan dalam purata bermusim, yang mana lebih rendah
Minyak dan Geris (mg/L)	0.01	0.14	5	0.14
Raksa*(µg/L)	0.04	0.16(0.04)	50	0.5
Kadmium (µg/L)	0.5	2(3)	10	2
Kromium (µg/L)	5	10	48	10
Kuprum (µg/L)	1.3	2.9	10	2.9
Arsenik (III)* (µg/L)	3	20(3)	50	20(3)

## PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang juga menyediakan peluang kepada pelajar - pelajar dari Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta untuk menjalani latihan industri.

Pelajar - pelajar ini didedahkan tentang pelaksanaan kerja-kerja penguatkuasaan dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan - peraturan di bawahnya serta program pengawasan alam sekitar.

Pada tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang menerima seramai 37 orang pelajar dari Universiti Awam menjalani sesi latihan industri sebagai persediaan secara praktikal berkaitan pengurusan alam sekitar.





# BAHAGIAN OPERASI 2022

# PERLESENAN

Bagi Premis Yang Ditetapkan (PYDT) iaitu Kilang Kelapa Sawit, Kilang Getah Asli Mentah serta Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual hendaklah memohon lesen daripada JAS terlebih dahulu sebelum beroperasi sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Bagi tahun 2022 JAS Pahang tiada permohonan lesen baru bagi PYDT diterima.

Premis yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 perlu melakukan pembaharuan lesen sekiranya dilesenkan dan tempoh lesen tersebut adalah selama setahun dari tarikh ia dikeluarkan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Seksyen 13, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Pemegang lesen hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan lesen pada dalam tempoh tiga bulan dan tidak lebih empat bulan dari tarikh tamatnya tempoh lesen.

Denda akan dikenakan sekiranya premis lewat membuat pembayaran.

## Pembaharuan Lesen

Tarikh tamat lesen dan tempoh permohonan pembaharuan lesen PYDT tahun 2022 mengikut jenis premis adalah seperti yang dinyatakan seperti di dalam **Jadual 25**. Bilangan permohonan pembaharuan lesen sepanjang tahun 2022 adalah seperti di **Rajah 26**.

Jadual 25 : Tarikh Tamat Lesen dan Tempoh Permohonan Pembaharuan Lesen PYDT Tahun 2022

Kategori PYDT	Tarikh Tamat Lesen	Tempoh Permohonan Pembaharuan
Kilang Getah	31 Mac 2022	1 Oktober – 31 Disember 2021
Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual	30 April 2022	1 November 2021 - 31 Januari 2022
Kilang Kelapa Sawit	30 Jun 2022	1 Jan 2022 - 31 Mac 2022




Rajah 26 : Bilangan Permohonan Pembaharuan Lesen PYDT bagi tahun 2022

A

Tertakluk di bawah  
Perintah Kualiti Alam  
Sekeliling 1978 yang telah  
berkuatkuasa 1hb 1979.

6 buah Kilang Getah yang  
telah dilesenkan pada  
tahun 2022.


**Kilang Getah**




B

Kemudahan Pengolahan  
dan Pelupusan Buangan  
Terjadual adalah tertakluk  
Perintah Kualiti Alam  
Sekeliling 1989 yang  
berkuatkuasa 1hb Mei  
1989.

**Kemudahan  
Pengolahan dan  
Pelupusan Buangan  
Terjadual**




Pemeriksaan kenderaan bagi tujuan permohonan pembaharuan lesen untuk kemudahan pengangkutan buangan terjadual akan dijalankan setiap tahun untuk kelulusan. Pada tahun 2022, sebanyak 304 kenderaan telah diperiksa. Manakala di bawah Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual terdapat 20 bilangan permohonan lesen yang tersenarai mengikut kategori masing-masing seperti yang tertera di **Jadual 26**.



Jenis Lesen	Bilangan Lesen/Permohonan
Pemerolehan Kembali Luar Tapak	8
Insinerator	2
Penstoran Luar Tapak	1
Buangan Terjadual (Pengangkut)	7
Tapak Pelupusan Selamat	1
<b>JUMLAH</b>	<b>19</b>

Jadual 26 : Bilangan Permohonan Pembaharuan Lesen di Bawah Kemudahan Pengolahan Dan Pelupusan Buangan Terjadual

#### BILANGAN KILANG KELAPA SAWIT (KKS) MENGIKUT DAERAH




Rajah 27 : Bilangan Kilang Kelapa Sawit Mengikut Daerah Pada Tahun 2022

Tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977 yang mula berkuat kuasa 1hb Julai 1978. Terdapat sebanyak 71 kilang kelapa sawit yang telah dilesenkan di bawah JAS Pahang pada tahun 2022. **Rajah 27** menunjukkan bilangan Kilang Kelapa Sawit di Negeri Pahang mengikut Daerah.

## Pindaan Syarat Lesen

Pemegang lesen dikehendaki memohon pindaan syarat lesen bagi pembaikan, pengubahan, pemasangan atau pengendalian kelengkapan kawalan dalam atau pada mana-mana premis yang ditetapkan (PYDT) sebagaimana yang diperuntukan di bawah Seksyen 12, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.




Rajah 28 : Bilangan Permohonan Pindaan Jadual Pematuhan Yang Diterima Pada Tahun 2022

## Lesen Pelanggaran

Sekatan mengenai pencemaran udara

Sekatan mengenai pencemaran bunyi bising

Sekatan mengenai pencemaran tanah tanih



Sekatan mengenai pencemaran perairan daratan

Melepaskan minyak ke dalam perairan Malaysia dilarang

Melepaskan buangan ke dalam perairan Malaysia dilarang

Peruntukan yang diperuntukkan bagi lesen pelanggaran

Sebanyak 16 permohonan lesen pelanggaran di bawah Seksyen 25 (1) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 untuk melanggar had-had parameter bagi pelepasan kumbahan atau efluen perindustrian.

Sebanyak 42 permohonan lesen pelanggaran di bawah Seksyen 22 (1) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 untuk melanggar had-had parameter bagi pelepasan benda asing yang boleh diterima di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara bersih) 2014.



Rajah 29 : Bilangan Permohonan Lesen Pelanggaran Yang Diterima Pada Tahun 2022

## Kebenaran Bertulis

Keperluan mendapatkan kebenaran bertulis sebelum permohonan lesen baru perlu dilakukan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 19, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 iaitu larangan terhadap menyebabkan kenderaan, kapal atau premis menjadi pembawa yang ditetapkan atau premis yang ditetapkan.



Rajah 30 : Bilangan Permohonan Kebenaran Bertulis Yang Diterima Pada Tahun 2022



Rajah 31 : Bilangan Permohonan Pindaan Kebenaran Bertulis Yang Diterima Pada Tahun 2022

## Lain-Lain Aktiviti

### Aktiviti Penyingkiran Enapcemar

- ❑ Terdapat 73 permohonan untuk menjalankan aktiviti penyingkiran enapcemar.
- ❑ Kelulusan bertulis di bawah Peraturan 6, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah), 1977 hendaklah diperolehi terlebih dahulu.
- ❑ Kerja-kerja penyingkiran hendaklah mengikut Garis Panduan Pelan Pelupusan Enapcemar Kolam-Kolam Pengolahan Efluen Di Kilang Minyak Kelapa Sawit Mentah dan Kilang Getah Asli Mentah, 2021.


### Pengurusan Khas Buangan Terjadual

- ❑ Rasional pengurusan khas buangan terjadual ini adalah bagi mengamalkan konsep '*cradle-to-cradle*' dan memberi pilihan kepada pengeluar buangan untuk melupus buangan terjadual di premis selain daripada PYDT jika terbukti buangan tersebut tidak mempunyai kesan buruk terhadap kesihatan manusia dan alam sekitar.

### Penstoran Buangan Terjadual melebihi 20 tan metrik atau 180 hari atau Kedua-duanya

- ❑ Boleh dimohon oleh pengeluar buangan kepada Ketua Pengarah secara bertulis sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Bagi tahun 2022 sebanyak 26 permohonan telah diterima di JAS Negeri Pahang bagi penstoran melebihi 20 tan metrik atau 180 hari atau kedua-duanya.


# ADUAN PENCEMARAN DAN KES KONTIGENSI



Rajah 32 : Bilangan Aduan Yang Diterima Mengikut Daerah Pada Tahun 2022




Rajah 32 : Bilangan Aduan Yang Diterima Mengikut Jenis Pencemaran Bagi Tahun 2022




Rajah 34 : *Trend* Bilangan Aduan Yang Diterima Dari Tahun 2018 Sehingga Tahun 2022

### KATEGORI ADUAN MENGIKUT BIDANG KUASA



Rajah 35 : Kategori Aduan Selepas Tindakan Dijalankan Bagi Tahun 2022

### SALURAN ADUAN DITERIMA TAHUN 2022



Rajah 36 : Bilangan Kes Aduan Mengikut Saluran Diterima Sepanjang Tahun 2022

## Kontigensi

Kontigensi adalah merujuk kepada kes-kes tumpahan minyak, pelupusan haram, dan kemalangan daripada pengangkut yang membawa bahan kimia.

Pada tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang tidak menerima sebarang kes melibatkan kontingensi.

# OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA (OMPT)



Pembakaran terbuka adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 29A AKAS 1974 untuk memastikan kesan kualiti udara yang baik dan menghalang kejadian jerebu.




Kes pembakaran terbuka dikesan melalui aduan, operasi rondaan mencegah pembakaran terbuka dan titik panas (*hotspot*).



Maklumat lokasi hotspot ini disalurkan oleh organisasi ASEAN *Specialised Meteorological Centre* (ASMC).



**BILANGAN HOTSPOT MENGIKUT DAERAH DI PAHANG TAHUN 2020 - 2022**



Rajah 37 : Bilangan Hotspot Mengikut Daerah di Pahang Tahun 2020-2022



Rajah 38 : Taburan *Hotspot* di Negeri Pahang Tahun 2022




Rajah 39 : Jumlah *Hotspot* Mengikut Daerah di Pahang Tahun 2022

# Program Pencegahan Kebakaran dan Pengurusan Tanah Gambut Negeri Pahang



Negeri Pahang mempunyai keluasan keseluruhan tanah gambut sekitar 196,050 hektar melibatkan 3 daerah utama iaitu Kuantan, Pekan dan Rompin.



LOKASI INFRASTRUKTUR TANAH GAMBUT DI NEGERI PAHANG

## INFRASTRUKTUR UNTUK PENCEGAHAN KEBAKARAN DI KAWASAN TANAH GAMBUT

	KUANTAN	PEKAN	ROMPIN
SEKATAN AIR	54	37	1
TELAGA TIUB	5	8	4
MENARA TINJAU	1	0	0
KOLAM TAKUNGAN	4	1	0

## PROGRAM-PROGRAM YANG TELAH DILAKSANAKAN DI BAWAH PENGURUSAN TANAH GAMBUT NEGERI PAHANG


- Kem Kesedaran Ekologi Gambut di Taman Negeri, Rompin
- Bengkel PTO bersama PBT dan Agensi Pengurusan Tanah Gambut
- Video Animasi Larangan Pembakaran Terbuka
- Pemasangan Papan Tanda Larangan Pembakaran Terbuka
- Gambut *Run* 4.0 Sempena Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Kebangsaan 2022

# PENGUATKUASAAN PUNCA TETAP

Penguatkuasaan punca tetap di bahagian operasi adalah untuk menguatkuasa dan memastikan pematuhan premis terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

## Pecahan Premis Berdasarkan Status

Bagi keseluruhan Negeri Pahang, status premis yang beroperasi adalah sebanyak 3748 premis, manakala 634 premis telah ditutup, 3 premis ditutup sementara dan sejumlah 13 premis belum beroperasi. Berikut adalah pecahan tersebut :



Rajah 40 : Pecahan Premis Berdasarkan Status

## Pecahan Premis Beroperasi Mengikut Daerah


Rajah di bawah menunjukkan jumlah premis yang beroperasi bagi setiap daerah di Negeri Pahang. Kuantan Tengah merekodkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 833 premis, manakala Raub merekodkan jumlah terendah iaitu 105 premis.



Rajah 41 : Pecahan Premis Beroperasi Mengikut Daerah

## Bilangan Premis Mengikut Pejabat Cawangan

Kawasan penguatkuasaan punca tetap JAS Pahang meliputi Kuantan Tengah, Kuantan Utara, Kuantan Selatan, Maran, Pekan, Jerantut dan Bera. Oleh itu, jumlah premis yang tertinggi iaitu 1926 premis direkodkan di bawah JAS Pahang. Manakala rekod kedua tertinggi adalah JAS Cawangan Temerloh iaitu 749 premis. Hal ini berikutan terdapat Kawasan Perindustrian Bentong.



Rajah 42 : Bilangan Premis Mengikut Pejabat Cawangan


## Pematuhan Bagi Premis Yang Ditetapkan (PYDT)

Premis Yang Ditetapkan (PYDT) merupakan premis yang dilesenkan oleh JAS dan menjadi fokus bagi aktiviti penguatkuasaan JAS selain Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT). Bagi PYDT, terdapat peraturan-peraturan khusus yang diperuntukkan seperti yang dinyatakan pada **Jadual 27**.

Jadual 27 : Peraturan-Peraturan Yang Diperuntukkan Bagi Premis Yang Ditetapkan (PYDT)


Industri	Peraturan
Kilang Kelapa Sawit (KKS)	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977
Kilang Getah (KG)	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978
Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual (BT)	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989

Pemeriksaan penguatkuasaan pada premis-premis ini dijalankan melalui kaedah pemeriksaan di lapangan (*Command and Control, CAC*) dan pemeriksaan *Desktop (DE)*.




Rajah 43 : Menunjukkan Inventori Bagi PYDT

## Status Pematuhan Premis Tahun 2020-2022



Rajah 44 : Pematuhan Bagi Premis PYDT Tahun 2020-2022



Rajah 45 : Pematuhan Bagi Premis PYBDT Tahun 2020-2022



Rajah 46 : Operasi Bersepadu Antara Agensi



Rajah 47 : Penguatkuasaan Di Premis PYDT



Rajah 48 : Penguatkuasaan Di Premis PYBDT



Rajah 49 : Penguatkuasaan Dengan Kaedah *Smart Enforcement* Menggunakan *Drone*

## Tindakan Penguatkuasaan

Tindakan penguatkuasaan oleh bahagian operasi JAS Negeri Pahang bagi tahun 2022 adalah seperti yang ditunjukkan pada rajah di bawah.



Rajah 50 : Tindakan Penguatkuasaan Tahun 2022

# KENDERAAN BERMOTOR

Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang turut melaksanakan kawalan pencemaran udara ke atas kenderaan bermotor yang merangkumi bas, lori, kereta dan motosikal. Ianya bertujuan untuk mengawal pelepasan pencemar daripada ekzos, pendingin udara dan bunyi bising. Pelepasan daripada ekzos melibatkan kenderaan berenjin diesel dan berenjin petrol.

Tujuan pemantauan daripada kawalan kenderaan bermotor ini adalah untuk memastikan pelepasan parameter-parameter utama iaitu hidrokarbon, karbon monoksida, karbon dioksida dan lain-lain lagi mematuhi had gas yang ditetapkan.

Pelepasan gas ini adalah salah satu penyebab kepada pemanasan global yang sedang kita hadapi kini.

Terdapat lima (5) Peraturan yang dilaksanakan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) bagi menguatkuasakan Kawalan Pencemaran berkaitan kenderaan bermotor iaitu :

**1**

Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987

**2**

Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996

**3**

Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996

**4**

Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 2020

**5**

Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003

## Operasi Keseluruhan Kawalan Pelepasan

Sepanjang tahun 2022, operasi keseluruhan kawalan pelepasan daripada kenderaan bermotor adalah seperti berikut :

Operasi Bilangan	Operasi Statik	Operasi Catat	Kemudahan Yang Diluluskan	Pengendali Berkumpulan	Bunyi Bising Motosikal	Stesen Bas
Operasi	21	254	4	21	1	12
Kenderaan Diperiksa	656	31339	TB	1166	15	21
Ujian Meter	220	TB	TB	0	0	TB
Notis Ujian Semula	19	86	TB	0	0	TB
Kompaun	6	0	TB	6	0	0
Mahkamah	0	0	TB	0	0	0
Peratus Pematuhan	97.2	100	100	90.4	100	100

Jadual 28 : Operasi Keseluruhan Kawalan Pelepasan Daripada Kenderaan

Bil Operasi	Operasi Statik	Operasi Catat	Kemudahan Yang Diluluskan	Pengendali Berkumpulan	Bunyi Bising Motosikal	Stesen Bas
Operasi	24	218	5	19	2	12
Kenderaan Diperiksa	1876	1742	TB	745	108	18
Ujian Meter	612	0	TB	7	18	0
Notis Ujian Semula	59	93	TB	0	2	0
Kompaun	45	0	TB	0	0	0
Majkamah	1	0	TB	0	0	0
Peratus Pematuhan	97.6%	100%	100%	100%	100%	100%

\*TB=Tidak Berkaitan

Jadual 29 : Operasi Tahun 2022 Bagi Kawalan Pelepasan Daripada Kenderaan Bermotor

## Penguatkuasaan Kenderaan Bermotor Daripada Enjin Diesel

Operasi Statik dijalankan bersama agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan lain-lain agensi penguatkuasa yang berkaitan. Kaedah ini dilaksanakan dengan cara menahan, menguji dan mengambil tindakan terhadap pesalah yang melepaskan asap hitam berlebihan daripada kenderaan berenjin diesel.



Rajah 51: Operasi Statik Bersama Agensi Penguatkuasa

Kenderaan	Diperiksa	Ujian Meter	Notis arahan	Perintah Larangan	Kompaun	Mahkamah	Peratus Pematuhan
Kereta	186	65	8	0	3	0	95.3
Lori	357	153	8	0	3	0	98.0
Bas	5	1	0	0	0	0	100
Van	6	5	0	0	0	0	100

Jadual 30 : Bilangan Penguatkuasaan Kenderaan Bermotor Daripada Enjin Diesel (Ops Statik) Bagi Tahun 2022

Kenderaan	Diperiksa	Ujian Meter	Notis Arahan	Perintah Larangan	Kompaun	Mahkamah	Pematuhan
Kereta	284	68	32	0	23	0	92%
Lori	631	235	26	0	21	1	96.7%
Bas	9	1	0	0	0	0	100%
Van	14	2	1	0	1	0	93%

Jadual 31 : Operasi Statik

Operasi Catat dilakukan secara pemerhatian visual dengan menggunakan kamera video (Ops Catat-Kamera). Kenderaan yang dirakam melepaskan pelepasan asap hitam akan diarah untuk menjalani ujian pematuhan. Maklumat kenderaan akan dirujuk kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk mendapatkan maklumat kenderaan. Kenderaan ini akan diarahkan melalui Seksyen 31, AKAS 1974 untuk menjalani pemeriksaan pelepasan asap dimana-mana premis yang diiktiraf oleh Jabatan Alam Sekitar sebagai Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL).

Sepanjang tahun 2022, operasi catat yang telah dijalankan adalah seperti butiran berikut:

Kenderaan	Pemerhatian	Notis Arahan	Maklumbalas Notis	Peratus Pematuhan
Kereta	10439	6	6	100
Lori	20893	72	72	100
Bas	353	0	0	100
Van	564	1	1	100

Jadual 32 : Bilangan Penguatkuasaan Kenderaan Bermotor Daripada Enjin Diesel (Ops Catat) Bagi Tahun 2022

Kenderaan	Pemerhatian	Notis Arahan	Maklumbalas Notis	Peratus Pematuhan
Kereta	7816	12	12	100%
Lori	15291	63	63	100%
Bas	488	2	2	100%
Van	305	0	0	100%

Jadual 33 : Operasi Catat

Pemeriksaan Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) dan Pengendali Berkumpulan (FO) merupakan suatu kemudahan atau tempat yang diluluskan oleh Ketua Pengarah yang dilengkapi dengan meter asap dan kakitangan yang terlatih untuk menjalankan ujian pelepasan asap seperti mana Jabatan Alam Sekitar. Bagi memastikan premis yang menjalankan pemeriksaan pelepasan asap kenderaan memenuhi kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang turut menjalankan pemeriksaan pematuhan terhadap syarat-syarat sebagai premis KYDL agar sentiasa dipatuhi. Pada tahun 2022, sebanyak lima (5) pemeriksaan telah dijalankan ke atas lima (5) premis yang diluluskan sebagai Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) iaitu lima (4) premis dibawah PUSPAKOM dan satu (1) Felda Transport Sdn. Bhd. bagi Negeri Pahang. Pemeriksaan juga telah dilaksanakan ke atas 19 syarikat Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator) iaitu premis yang mempunyai sepuluh (10) buah kenderaan atau lebih kenderaan berenjin diesel.



Rajah 52 : Alat Ujian Asap Kenderaan

Rajah 53 : Pemeriksaan Alat Ujian Asap Kenderaan



Jadual 34 : Bilangan Kemudahan Di Premis Kemudahan Yang Diluluskan Bagi Tahun 2022

BIL. PREMIS	BIL. ALAT UJIAN	BIL. PEGAWAI TERLATIH	BIL. PEMERIKSAAN	PERATUS PEMATUHAN
6	21	46	4	100

Bil Premis	Bil Alat Ujian	Bil Pegawai Terlatih	Bil Pemeriksaan	Peratus Pematuhan
6	21	45	5	100%

Jadual 35 : Bilangan Penguatkuasaan Ke Atas Premis Pengendali Berkumpulan Bagi Tahun 2022

BIL. PREMIS	BIL. KENDERAAN	UJIAN METER	KOMPAUN	PERATUS PEMATUHAN
19	1166	0	6	99.4

Bil Premis	Bil Kenderaan	Bil Ujian Meter	Kompaun	Peratus Pematuhan
19	745	7	0	100%

## Penguatkuasaan Kenderaan Bermotor Daripada Enjin Petrol

Kaedah yang digunakan bagi menguatkuasakan peraturan ini adalah sama seperti Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel tetapi alat yang digunakan adalah bagi mengenalpasti tahap pelepasan gas karbon monoksida dan hidrokarbon dari ekzos kenderaan yang berenjin petrol supaya tidak melebihi had yang dibenarkan. Sepanjang tahun 2022, sebanyak 3 (tiga) operasi telah dilaksanakan termasuk operasi bersepadu bersama pihak PDRM, JPJ dan lain-lain agensi. Walau bagaimana pun tiada tawaran kompaun dikeluarkan sepanjang operasi tersebut pada tahun 2022.

Kenderaan	Diperiksa	Ujian Meter	Notis Arahan	Perintah Larangan	Kompaun	Mahkamah	Peratus Pematuhan
Kereta	14	10	0	0	0	0	100
Lori	0	0	0	0	0	0	100
Bas	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Van	0	0	0	0	0	0	100

\*TB=Tidak Berkaitan

Jadual 36 : Bilangan Penguatkuasaan Kenderaan Bermotor Daripada Enjin Petrol Bagi Tahun 2022



Rajah 54 : Alat Ujian Kenderaan Berenjin Petrol

Kenderaan	Periksa	Ujian Meter	Notis Arahan	Perintah Larangan	Kompaun	Mahkamah	Peratus Pematuhan
Kereta	57	15	0	0	0	0	100%
Lori	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Bas	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Van	0	0	0	0	0	0	100%

\*TB=Tidak Berkaitan

Jadual 37 : Ujian Kenderaan Berenjin Petrol

## Penguatkuasaan Bunyi Bising Motosikal

Pelaksanaan penguatkuasaan di bawah peraturan ini adalah bertujuan bagi memantau pelepasan bunyi dari ekzos motosikal supaya tidak melebihi had bagi Desibel-berpemberat-A dB(A) yang ditetapkan di dalam peraturan tersebut. Sepanjang tahun 2022, satu program penguatkuasaan pelepasan bunyi bising ke atas motosikal telah dilaksanakan bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Melalui program tersebut sebanyak 24 buah motosikal kebanyakan adalah dari jenis enjin empat lejang telah diperiksa dan diuji.

Bil. Operasi	Diperiksa	Ujian Meter	Notis Arahan	Perintah Larangan	Kompaun	Mahkamah	Peratus Pematuhan
1	24	5	0	0	0	0	100
Bil Operasi	Diperiksa	Ujian Meter	Notis Arahan	Perintah Larangan	Kompaun	Mahkamah	Peratus Pematuhan
2	100	18	2	0	0	0	100%


Jadual 38 : Bilangan Penguatkuasaan Kenderaan Bermotor Daripada Motorsikal (Bunyi Bising) Bagi Tahun 2022



Rajah 55 : Pemeriksaan Ke Atas Ekzos Motosikal

# PENDAKWAAN


Pendakwaan merupakan proses tindakan mahkamah yang diambil bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan yang tertakluk di bawahnya. Proses tindakan mahkamah ini akan melalui perkara - perkara seperti yang ditunjukkan pada **Rajah 56**.



Rajah 56 : Carta Alir Proses Tindakan Mahkamah

## Kertas Siasatan

Kertas siasatan adalah satu rekod fakta secara bertulis dan keterangan yang diperolehi melalui siasatan yang dijalankan oleh pegawai penyiasat atas kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Tujuan penyediaan kertas siasatan ini adalah bagi mencatatkan segala fakta dan keterangan setiap kes. Bilangan kertas siasatan yang dibuka bagi tahun 2022 adalah seperti ditunjukkan pada **Rajah 57** dan **Rajah 58**.




Rajah 57 : Kertas Siasatan Yang Dibuka Pada Tahun 2022



Rajah 58 : Kertas Siasatan Mengikut Kesalahan Bagi Tahun 2020, 2021 dan 2022


## Izin Mendakwa, Pendaftaran Kes Mahkamah, Kes Sebutan dan Perbicaraan Kes Mahkamah

Kertas siasatan yang telah lengkap, ianya akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) atau Penasihat Undang-Undang (PUU) bagi mendapatkan izin mendakwa. Izin mendakwa berkenaan hendaklah dikemukakan kepada mahkamah semasa pendaftaran kes dilakukan. Bagi pendaftaran kes, ianya perlu dilakukan 6 bulan daripada tempoh siasatan dan selepas perakuan lulus pendakwaan oleh TPR/PUU. Bagi sebutan dan perbicaraan kes merupakan proses yang seterusnya di dalam tindakan mahkamah selepas mendaftar kes. Kebiasaannya, perbicaraan kes adalah ditetapkan oleh mahkamah dan keputusan kes akan dikemukakan kepada TPR/PUU. Bilangan kertas siasatan bagi izin mendakwa, pendaftaran kes dan sebutan kes serta bicara adalah seperti berikut yang ditunjukkan pada **Rajah 59**.




Rajah 59 : Kertas Siasatan Yang Telah Mendapat Izin Mendakwa, Pendaftaran Kes, Sebutan dan Bicara di Mahkamah Bagi Tahun 2022

Rajah 60 : Kertas Siasatan Dibuka Dan Diselesaikan Tahun 2020 Hingga 2022



## Denda Tindakan Mahkamah

Jumlah keseluruhan kutipan denda yang diperolehi bagi tindakan mahkamah pada tahun 2022 adalah sebanyak RM146,000.00, dengan pecahan RM 206,000.00 daripada Projek EIA manakala sebanyak RM 32,000.00 daripada kilang PYDT/PYBDT seperti yang ditunjukkan pada **Rajah 61**.



Rajah 61 : Jumlah Kutipan Denda Bagi Tindakan Mahkamah Tahun 2022

# LENSA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2022 PERINGKAT KEBANGSAAN





# Sekalung Penghargaan

atas khidmat dan bakti

yang telah dicurahkan kepada JAS Negeri Pahang



**YBhg. Dato' Haji Mohd Sani bin Mat Daud**

**MANTAN PENGARAH  
JABATAN ALAM SEKITAR  
NEGERI PAHANG  
(2019-2022)**



**JABATAN ALAM SEKITAR  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR  
DAN PERUBAHAN IKLIM**

# **JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PAHANG**

**Diterbitkan oleh :**

**Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang  
Aras 1, Kompleks Mahkamah Kuantan  
Bandar Indera Mahkota  
25200 Kuantan  
Pahang**

**Tel : 09-5730636**

**Faks : 09-5732412**

